

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-29
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-113
Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong

SAMBUNGAN TENTANG TAZKIR

Jika cerita itu termasuk cerita nabi-nabi a.s. yang berhubungan dengan urusan agama dan tukang ceritanya itu benar dan ceritanya tidak salah, maka menurut aku (Al-Ghazali) dibolehkan.

Adapun syair, maka dicela membayakkannya dalam pengajaran.

Kebanyakan syair yang dibiasakan oleh juru-juru nasihat ialah yg menyangkut dgn penyifatan kepada :

1. Kerinduan
2. Keelokan yang dirindukan
3. Senangnya ada hubungan
4. Pedihnya berpisah

Majlis itu dikunjungi oleh orang ramai yang bodoh-bodoh. Perutnya penuh dengan hawa nafsu, hatinya tiddak terlepas daripada menoleh kepada rupa yang manis. Maka berkobarlah api hawa nafsu padanya lalu mereka berteriak dan menari-nari.

Dari itu tidaklah sayugianya dipakai syair kecuali ada padanya pengajaran atau hikmah untuk jalan petunjuk dan pelunakan hati. Nabi saw bersabda : ***“Sesungguhnya sebahagian syair itu mengandungi hikmah.”*** (Bukhari)

Jika majlis itu dihadiri orang-orang tertentu yang mempunyai perhatian kepada ketenggelaman hati dengan cinta kepada Allah Ta'ala, dan tidak

ada golongan lain dlm majlis tersebut, maka bagi mereka tidak ada melaratnya syair itu yang zahiriahnya menunjukkan kepada hubungan sesama makhluk, kra pendengarnya dapat menempatkan apa yg didengarnya menurut panggilan hatinya, sebagaimana akan diterangkan nanti dlm “Kitab Pendengaran”.

Dan kerana itulah Al-Junaid berbicara kepada lebih kurang 10 orang. Jika mereka sudah banyak, dia tidak berbicara. Dan tidaklah pernah sekali-kali yang menghadiri majlisnya sampai 20 orang.

SAMBUNGAN TENTANG NABI MUHAMMAD

Maka aku berpendapat bahawa aku akan meringkaskan pada kitab ini kepada menyebutkan adab kesopanan Rasulullah saw dan akhlak budi pekertinya yang dinukilkan daripadanya dengan isnad hadith. Maka akan aku susun dengan baik, dengan terkumpul fasal demi fasal, dengan dibuang (tidak disertakan) isnadnya.

Adalah Rasulullah saw banyak merendahkan diri dan bermohon. Selalu meminta kepada Allah Ta’ala supaya menghias dirinya dengan kebagusan akhlak dan budi pekerti. Dia mengucapkan dalam doanya : ***“Ya Allah Tuhanku, baguskanlah kejadianku dan akhlakku.”*** (Ahmad)

Dan dia juga mengucapkan : ***“Ya Allah Tuhanku, jauhkanlah aku daripada akhlak yang mungkar.”*** (Turmizi, Al-Hakim)

Kata A’isyah : ***“Adalah akhlak Rasulullah saw itu Al-Quran.”*** (Muslim)

Adalah Nabi saw manusia yang paling penyabar, manusia paling berani, paling adil, paling memelihara diri. Tidak sekali-kali tangannya menyentuh tangan wanita yang tiada dimilikinya selaku hamba, atau ikatan perkahwinan, atau wanita itu mahramnya. (Setiap satu yang di

atas ada hadithnya dan tentang menyentuh tangan wanita, dirawikan oleh Bukhari dan Muslim)

Aalah Rasulullah menempel sandalnya, menampal kainnya dan menguruskan kepentingan keluarganya. Dia memotong daging bersama-sama keluarganya.

Dia manusia yang sangat pemalu. Tidak tetap pandangannya pada muka seseorang.

Adaah Rasulullah saw mengikat batu atas perutnya. Sekali krna lapar dan sekali krn dia makan apa yg ada.

Dia tidak makan dengan duduk bersandar an tidak bermeja. Sapu tangannya ialah kedua2 tapak kakinya.

Dia tidak kenyang dengan roti gandum tiga hari berturut-turut sehinggalah dia menemui Allah Ta'ala, kerana mengutamakan orang lain daripada dirinya sendiri. Bukan kerana kemiskinan dan bukan kerana kekikiran.

Cincinnya perak, dipakainya pada jari manis kanan dan kiri.

Dia suka kepada bau-bauan, dan tidak menyukai bau yang kurang baik.

Dia duduk bersama-sama orang miskin dan makan bersama-sama orang miskin.

Dia bergurau dan tidak mengatakan kecuali yang benar. Dia ketawa tanpa terbahak-bahak.

IMBAS KEMBALI KULIAH YANG LALU

5 istilah tepuji yang sudah berubah maksudnya :

1. Fiqh
2. Ilmu (dan 'ulama)
3. Tauhid
4. Tazkir (dan majlis zikir)
5. Hikmah

Siapakah yang mula-mula percaya Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhami ialah Al-Mahdi?

Kemungkinan sekali cucunya iaitu Ustaz Taha Suhaimi. Ustaz Taha sudah menambah dan mungkin mengubah isi kandungan Manaqib Syeikh As-Suhaimi.

4 peringkat menuju Allah :

1. Syari'at.
2. Tariqat.
3. Haqiqat.
4. Ma'rifat.

Apakah syari'at?

Syari'at ialah peraturan-peraturan agama.

Syari'at pada fiqh ialah segala amal ibadah.

Syari'at pada tasawuf ialah nilai/kualiti ibadah.

Apakah tariqat?

Tariqat ialah jalan menuju haqiqat.

Sebelum abad ke-5 Hijrah, tariqat dikenali sebagai jalan para ahli tasawuf.

Selepas itu, ia turut dikenali sebagai organisasi tasawuf.

Apakah haqiqat?

Mengenali kebenaran sebenar.

Apakah ma'rifat?

Mengenal Allah dengan sekenal-kenalnya, sekadar tahap yang diizinkan Allah.

“Ihsan ialah engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihatnya (ini peringkat haqiqat), jika engkau tidak melihat-Nya, maka Dia melihat engkau (ini peringkat syariat).” (Muslim)

Apakah maksud ‘ilmu yaqin, ‘ainul yaqin dan haqqul yaqin?

‘Ilmu yaqin = tahu sesuatu berdasarkan maklumat sahaja.

‘Ainul yaqin = tahu sesuatu dengan melihatnya sendiri.

Haqqul yaqin = tahu sesuatu dengan sebenar-benar tahu.

Apakah maksud takhalli, tahalli dan tajalli?

Takhalli – keluarkan sifat-sifat mazmumah.

Tahalli – masukkan sifat-sifat mahmudah.

Tajalli – dapat jiwa yang jernih umpama cermin, yang dapat berhubungan dengan lebih erat lagi dengan Allah SWT.

Tinggi Rasulullah sederhana, tetapi seringkali kelihatan lebih tinggi daripada orang yang tinggi.

Kulitnya putih bercampur merah.

Peluhnya wangi.

Rambutnya separas telinga dan ada juga separas bahu.

Uban pada janggut dan kepalanya 17 helai. Janggutnya tebal. Misainya dipotong.

Dahinya luas. Matanya luas. Bulu matanya tebal. Hidungnya mancung.

Tubuhnya rata. Tidak dimakan tua.

Tangan dan kakinya besar. Tapak tangannya lembut dan tangannya berbau wangi.

Suka pakaian berwarna hijau dan putih.

Memakai kopiah di bawah serban, dan kadang kala tidak berserban.

Gemar menamakan peralatan, senjata dan haiwannya.

MAKLUMAN

Ingin mendengar/menonton kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan “syarah ihya”).

2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>

3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini kita sudah ada **182 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 83 fail video. Selamat mengambil manfaat.

